

**UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA PERAK,
FAKULTI SENIBINA, PERANCANGAN DAN UKUR
JABATAN SENIBINA DALAMAN
APRIL 2009**

Adalah disyorkan bahawa Laporan Penyelidikan Projek ini yang disediakan
oleh

NA'IMAH BINTI SHAFIEE


bertajuk

CADANGAN MEREKABENTUK DALAMAN BAGI RESTORAN BORA FLORA

diterima sebagai memenuhi sebahagian dari syarat untuk memperolehi Diploma Rekabentuk Dalaman.

Penyelia Laporan

:


a/04/09

Dr. Abdul Halim bin Abdul Manaf

Koordinator Kursus

:

Pn. Mawar binti Masri

Koordinator Program

:

Prof. Madya Dr. Mohd Sabrizaa bin Abdul Rashid

ABSTRAK

Kajian akhir yang dilakukan adalah untuk mewujudkan sebuah restoran bertema yang berkonsepkan Bali Kontemporari dan berimejkan flora dan fauna dan meghidangkan pelbagai pilihan menu terutamanya 'fusion' Melayu, Indonesia, Thailand dan juga masakan dari Barat dan juga meghidangkan jenis makanan dari menu yang dicipta khas sempena restoran ini. Di dalam ruang restoran ini, penekanan elemen-elemen ala Bali, Restoran Bora Ombak dan Bora Asmara juga dijadikan sebagai rujukan dan panduan untuk menonjolkan tema dan konsep yang ingin disampaikan. Cara reka bentuk ruang diilham dan diadun secara simbolik dan juga secara terus-menerus. Sebelum melaksanakan projek ini, beberapa kajian telah dijalankan untuk memenuhi kehendak dan matlamat klien. Antara kajian yang telah dilakukan termasuklah kajian pemilihan tapak, kajian temuramah, kajian pemerhatian, kajian kes dan kajian dengan membuat soal selidik. Tujuan kajian ini dilakukan adalah untuk mengkaji kelemahan-kelemahan yang terdapat pada rangkaian makanan dan juga rekabentuk dalaman serta pengurusan terhadap sesebuah restoran pada masa kini. Kajian-kajian dan proses pengumpulan data akan dianalisis dan diterapkan di dalam proses merekabentuk untuk mendapatkan rekabentuk yang selesa, menarik disamping mewujudkan satu imej baru dengan sentuhan gaya dan imej yang tersendiri.

**CADANGAN MEREKA BENTUK DALAMAN
BAGI RESTORAN BORA FLORA DI IPOH PERAK**

Abstrak	ii
Penghargaan	iii
Isi Kandungan	v
Senarai Rajah	xi
Senarai Gambar	xiii

KANDUNGAN

MUKA SURAT

BAB 1.0 PENGENALAN

1.1	DEFINISI	1
1.2	JENIS-JENIS RESTORAN	3
	1.2.1 Restoran Makanan Segera	3
	1.2.2 Restoran Bertema	4
	1.2.3 Restoran Khusus	5
	1.2.4 Kafeteria	6
1.3	SKOP PROJEK	7
1.4	OBJEKTIF UMUM	9
1.5	OBJEKTIF PROJEK	10

CADANGAN MEREKA BENTUK DALAMAN
BAGI RESTORAN BORA FLORA DI IPOH PERAK

1.6	KAEDAH KAJIAN	11
1.7	KEPENTINGAN PROJEK	13
BAB 2.0	KLIEN	
2.1	LATARBELAKANG KLIEN	14
2.1.1	Lokasi Restoran Bora Ombak	15
2.1.2	Lokasi Restoran Bora Asmara	16
2.2	CARTA ORGANISASI KLIEN	17
2.3	VISI DAN MISI KLIEN	18
2.3.1	Visi	18
2.3.2	Misi	18
2.4	IMEJ KORPORAT KLIEN	19
BAB 3.0	KAJIAN TAPAK	
3.1	PENGENALAN	20
3.1.1	Pelan Kunci Tapak	21
3.1.2	Pelan Lokasi Tapak	24

BAB 1

PENGENALAN

1.1 DEFINISI RESTORAN

Restoran merupakan sebuah tempat makan untuk orang ramai. Restoran mengeluarkan perkhidmatan menyediakan dan menghidangkan makanan dan juga minuman kepada para pelanggan. Sesebuah restoran juga menawarkan perkhidmatan pembungkusan dan juga penghantaran makanan dan minuman yang dipesan oleh para pelanggan. Terdapat pelbagai jenis menu yang disediakan di restoran untuk menarik perhatian dan memudahkan orang ramai. Pengendali restoran dikenali sebagai seorang '*restaurateur*', perkataan yang asalnya dari kata kerja bahasa Perancis iaitu '*restaurer*'.

Restoran juga dikenali sebagai kedai makan. Sejarah mencatatkan bahawa kedai makan dikembangkan pada abad ke-13 di Hangchow, dan tempat tersebut menjadi sebuah bandar yang dipenuhi dengan pengusaha-pengusaha kedai makan dan bisnes ini juga berkembang maju dan menjadikan Hangchow sebuah bandar yang maju dengan pembangunan kedai makan. Pengembara-pengembara yang datang mengembara ke Hangchow tertarik dengan perkembangan bisnes ini dan balik ke negara masing-masing untuk mengusahakan kedai makan dan berkembang sehingga zaman sekarang.